

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JPK 325 – KAEDAH MENGAJAR SEJARAH II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

1. Mary Price (1968) telah menyatakan dalam sebuah artikelnya bertajuk "History In Danger" bahawa mata pelajaran Sejarah bukan sahaja kehilangan tempat di dalam kurikulum sekolah tetapi generasi muda juga telah hilang minat dan pemikiran terhadap sejarah.

Bincangkan kebenaran kenyataan di atas serta tindakan-tindakan yang telah dan sepatutnya dibuat bagi mengatasinya dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

(25 markah)

2. Cadangkan struktur yang sesuai bagi kelas simulasi bestari dan berikan 4 (EMPAT) langkah pelaksanaan pengajaran pembelajaran di dalam kelas berkenaan.

(25 markah)

3. Penerapan nilai, semangat patriotik, kesedaran, penghayatan dan pemikiran kritis dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat dilaksanakan melalui Kaedah Kajian Masa Hadapan.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Kaedah Kajian Masa Hadapan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah?

(10 markah)

(b) Beri satu contoh bagaimana Kaedah Kajian Masa Hadapan dapat dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah menengah atas.

(15 markah)

4. Komik adalah bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Berdasarkan komik sejarah Tingkatan IV, 'Dasar British dan Kesannya terhadap Ekonomi Negara' (yang dilampirkan), rancang satu persediaan mengajar dengan menunjukkan kepada penggunaan komik sebagai BBM.

(25 markah)